

Projek Tebatan Banjir Sungai Kesang atasi bah

Ledang: Masalah banjir di kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Serom dijangka diatasi menerusi Projek Tebatan Banjir Sungai Kesang membabitkan kos RM250 juta, dengan fasa pertama bermula Jun ini.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Serom, Abd Razak Minhat, berkata Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) sudah mengkaji dan mengenal pasti sungai terbabit dengan jarak 38 kilometer.

Katanya, projek akan mengambil masa dua tahun membabitkan kerja pembersihan dan pelebaran sungai, termasuk mendalam serta meluruskan bagi mengatasi masalah banjir.

Dana Kerajaan Pusat

“Setiap kali musim tengkujuh, beberapa kawasan di DUN Serom dilanda banjir.

“Pelaksanaan projek tebatan banjir ini diharap mengatasi masalah itu. Kerja akan bermula dari Kesang Gate ke Kesang Tasek, Kundang Teluk Rimba, Pangkalan Besar, Belemang sehingga Grisek,” katanya ketika ditemui selepas merasmikan Program Wawasan Air, di sini.